

'Langkah pulih nama baik PM memadam'

KUALA LUMPUR, Jumaat — Langkah-langkah membersihkan nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dicemar oleh akhbar British dan Pertubuhan Penyiaran Australia baru-baru ini adalah memadam.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf, yang menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri memberitahu Dewan Negara hari ini, laporan akhbar di Britain mengenai langkah Malaysia mengambil alih Syarikat Guthrie adalah tidak benar dan mencemarkan nama baik Perdana Menteri dan negara.

Beliau berkata, bagaimanapun Datuk Seri Dr. Mahathir telah menjelaskan pendirian Malaysia mengenai isu itu melalui wawancara khasnya dengan wartawan-wartawan akhbar Financial Times, London Times dan Guardian.

Beliau memberitahu Senator K. Kumaran, Menteri Luar Negeri Tan Sri Ghazali Shafie pula ketika melawat Britain pada 15 Oktober lalu telah menjelaskan mengenai hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Britain.

Datuk Pengiran Othman berkata Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London juga mengambil perhatian mendalam menjelaskan kedudukan Malaysia berhubung dengan perkara itu.

Perwakilan negara ini dari masa ke semasa menyebarkan maklumat yang kemaskini dan tepat mengenai Malaysia melalui berbagai saluran termasuk media massa.

Bernama

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia